

	<b>LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)</b>			
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 dan Jurutera Dandang Stim Gred 2			
	<b>No. Dokumen</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Muka Surat</b>
600-6-12/3A	00	03.12.2024	1/5	

## 1. Objektif

Peperiksaan Jurutera Dandang Stim diadakan untuk menilai tahap kelayakan calon untuk menjalankan mengendalikan, menangani atau menjaga mana-mana loji berkaitan dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 12(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan mendaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sebagai Orang Kompeten.


## 2. Syarat Kemasukan

### 2.1. Syarat Umum

- 2.1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 2.1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris; **DAN**
- 2.1.3. Telah melengkapkan kursus Jurutera Dandang Stim di Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh JKKP.
- 2.1.4. Peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **SATU (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

### 2.2. Syarat Khas Jurutera Dandang Stim Gred 2

- 2.2.1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal yang diiktiraf oleh MQA (mendapat pengecualian menduduki kertas 1); **ATAU**
- 2.2.2. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan selain Kejuruteraan Mekanikal yang diiktiraf oleh MQA (perlu menduduki kedua-dua kertas peperiksaan).

	<b>LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)</b>			
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 dan Jurutera Dandang Stim Gred 2			
	<b>No. Dokumen</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Muka Surat</b>
600-6-12/3A	00	03.12.2024	2/5	

### 2.3. Syarat Khas Jurutera Dandang Stim Gred 1

- 2.3.1. Mempunyai enam (6) bulan pengalaman kerja sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2); **DAN**
- 2.3.2. Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada dua ribu (2000) meter persegi; **DAN**
- 2.3.3. Berdaftar dan masih sah laku Slip Perakuan Pendaftaran sebagai Jurutera Dandang Stim Gred 2 dengan JKKP; **DAN**
- 2.3.4. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal yang diiktiraf oleh MQA (mendapat pengecualian menduduki kertas 1); **ATAU**
- 2.3.5. Selain syarat kelayakan akademik di klausa 2.3.4, calon wajib menduduki kedua-dua kertas peperiksaan.

\*Rujuk Panduan Kelayakan Pendaftaran Jurutera Dandang Stim di laman sesawang JKKP bagi pendaftaran dan pembaharuan Jurutera Dandang Stim.

	<b>LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKHKP)</b>			
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 dan Jurutera Dandang Stim Gred 2			
	<b>No. Dokumen</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Muka Surat</b>
	600-6-12/3A	00	03.12.2024	3/5

### 3. Format Peperiksaan


#### 3.1. Jurutera Dandang Stim Gred 2

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN (RM)
1	A	<b>STRUKTUR</b> (Kejuruteraan)	8 (Pilih 6 sahaja)	3 jam	60%	50%	RM200.00
	B	<b>STRUKTUR</b> (Asas Kejuruteraan dan Perundangan)	6 (Pilih 4 sahaja)	2 jam	40%		
2		<b>LISAN</b>	1 sesi	45 minit	100%	50%	RM350.00
						<b>JUMLAH</b>	<b>RM550.00</b>

**NOTA:**

Calon yang gagal mana-mana kertas perlu mengulang kertas yang gagal sahaja.

	<b>LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKHKP)</b>			
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 dan Jurutera Dandang Stim Gred 2			
	<b>No. Dokumen</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Muka Surat</b>
	600-6-12/3A	00	03.12.2024	4/5

### 3.2. Jurutera Dandang Stim Gred 1

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

<b>KERTAS</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>FORMAT</b>	<b>JUMLAH SOALAN</b>	<b>MASA</b>	<b>PEMBERAT</b>	<b>MARKAH LULUS</b>	<b>YURAN (RM)</b>
1	A	<b>STRUKTUR</b> (Kejuruteraan)	8 (Pilih 6 sahaja)	3 jam	60%	50%	RM200.00
	B	<b>STRUKTUR</b> (Asas Kejuruteraan dan Perundangan)	6 (Pilih 4 sahaja)	2 jam	40%		
2		<b>LISAN</b>	1 sesi	45 minit	100%	50%	RM350.00
						<b>JUMLAH</b>	<b>RM550.00</b>

**NOTA:**

Calon yang gagal mana-mana kertas perlu mengulang kertas yang gagal sahaja.

	<b>LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)</b>			
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 dan Jurutera Dandang Stim Gred 2			
	<b>No. Dokumen</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Muka Surat</b>
600-6-12/3A	00	03.12.2024	5/5	

## 7. Bahasa

Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

## 8. Peperiksaan Ulangan

- 8.1. Calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 8.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus semula.

## 9. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan

Disediakan oleh :

Sekretariat  
 Jawatankuasa Kompetensi Jurutera Dandang Stim  
 Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)  
 d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)  
 NIOSH

Dikemaskini : 10122024\_v1.4\_EDCU\_NMS